

Persepsi Pengundi Muda Terhadap Memes Politik, Undi 18 dan Isu-isu 3R pasca Pilihan Raya Umum 15

Perception of the Young Voters on Political Memes, Undi18 and 3R issues in the post 15th General Election

Mohd Azmir Mohd Nizah¹ & Afi Roshezry Abu Bakar²

¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

² Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, 31900, Kampar, Perak, Malaysia;

Article progress

Received: 7 December 2023

Accepted: 4 January 2024

Published: 31 May 2024

*Corresponding author:
Mohd Azmir Mohd Nizah,
Pusat Pengajian Teras,
Universiti Sains Islam
Malaysia, 71800, Nilai, Negeri
Sembilan, Malaysia;
Email:
azmirnizah@usim.edu.my

Abstrak: Ikhtiar Malaysia Madani hasil idea PMX adalah merupakan satu lagi hasrat pengukuhan pembinaan negara bangsa Malaysia. Konsep ini memberikan penumpuan kepada tadbir urus yang baik, pembangunan mapan dan juga keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Namun Malaysia Madani ini akan hanya tinggal sebagai retorik politik semata-mata jika politik memes yang negatif, manipulasi ke atas Undi 18 dan isu berkaitan 3R tidak dapat dikawal dengan baik oleh pihak kerajaan. Dengan penggunaan media sosial sebagai medium perantaraan, pengundi muda adalah merupakan taruhan terbaik parti-parti politik menyebarkan politik propaganda mereka. Ia menjadi semakin parah apabila ketiga-tiga faktor yang disebut kerap dimainkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semasa pilihan raya. Makalah ini secara kolektif akan melihat persepsi pengundi muda terhadap ketiga-tiga faktor tersebut berdasarkan pasca PRU 15 dan PRN 2023. Menggunakan rekabentuk kajian kuantitatif, soal selidik secara rentas digunakan terhadap 400 orang responden berumur 18 sehingga 25 tahun. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa persepsi pengundi muda terhadap memes politik adalah sederhana positif, manakala persepsi terhadap Undi 18 adalah positif yang tinggi, dan persepsi terhadap isu-isu 3R adalah negatif. Maka dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga dimensi yang dikaji ini mempunyai magnitudnya yang tersendiri. Malah adalah tidak dapat dinafikan bahawa ia merupakan antara cabaran getir yang perlu diberi perhatian yang serius oleh kerajaan dalam pengukuhan agenda Malaysia Madani.

Kata kunci: politik, pilihan raya, toleransi, dasar Malaysia, modenisasi;

Abstract: Malaysia Madani, the idea of PMX is another intention to strengthen Malaysia's nation-building. This concept focuses on good governance, sustainable development, and the harmony of the plural society in the country. However, Malaysia Madani will only remain as political rhetoric if the politics negative of memes, manipulation of the Undi 18 and issues related to 3R cannot be controlled adequately by the government. With social media as an intermediate medium, young voters are the best bets for political parties to spread their propaganda politics. It worsens when unscrupulous parties regularly play all three so-called factors during elections. This article will collectively look at young voters' perception of all three factors based on the post-GE 15 and the recent PRN 2023. Using the quantitative study design, the cross-examination was used on 400 respondents aged 18 to 25. The findings found that young voters' perception of political memes was moderately positive, perception of Undi 18 were

positive, while perceptions of 3R issues were negative. As conclusion, these three dimensions studied have their own magnitude. In fact, it is undeniable that it is one of the challenges that the government must face in the strengthening of Malaysia Madani.

Keywords: politics, election, tolerance, Malaysian policy, modernization;

Pengenalan

Tanggal 19 November 2022 melakar satu lagi sejarah buat negara, apabila politik Malaysia sekali lagi bertukar landskap di mana tiada satu parti yang bertanding mendapat majoriti mudah iaitu 112 dari 222 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Oleh yang demikian satu koalisi yang dinamakan Kerajaan Perpaduan telah dibentuk hasil gabungan beberapa parti iaitu Pakatan Harapan, Barisan Nasional Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Warisan Sabah (WARISAN) sebagaimana yang dihasratkan oleh Yang Di Pertuan Agong (Awang Besar, 2023a; Roshezry et al., 2023).

Bagi mewujudkan satu kerajaan yang stabil dan diyakini, Perdana Menteri ke 10, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan konsep Malaysia Madani di mana ia adalah kerangka dasar kerajaan yang memberikan penumpuan khusus terhadap tadbir urus yang baik, pembangunan mampan dan keharmonian majmuk antara etnik di Malaysia (Pejabat Perdana Menteri, 2023; Prof Datuk Dr Ismail Sualman, 2023).

Namun begitu, pelbagai cabaran dan liku yang harus diharungi dan ditempuhi oleh kerajaan Malaysia Madani pasca PRN 2023. Undi 18, politik memes, dan juga isu 3R (*race, religion & royal*: bangsa, agama & raja) yang menjadi taruhan pemain politik khususnya ketika berkempen semasa Pilihan Raya Umum Negeri (PRN) 2023. Isu ini harus diurus dengan cermat oleh kerajaan pusat bagi meneruskan agenda Madani yang baru sahaja diperkenalkan sebagai hasrat dan dasar terbaru negara.

Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan melihat persepsi (tanggapan dan penerimaan) orang muda terhadap ikhtiar bersepadan dan holistik Malaysia Madani dalam menjadikan Malaysia lebih maju dan makmur. Ini penting kerana situasi pilihan raya khususnya pada PRN 2023 yang lalu, penuh disulami dengan penggunaan media sosial dan gejala berita tidak benar, memes politik serta sentimen agama, bangsa dan raja yang berterusan menjadi modal untuk mendapatkan undi, walaupun ia mengundang kesan negatif yang lebih mudarat bagi Malaysia.

12 Ogos 2023 adalah tarikh keramat bagi enam negeri yang melangsungkan pilihan raya negeri buat kali ke 15. Dengan jumlah pengundi yang layak mengundi seramai 9,773,571 dan yang paling menarik hampir tiga juta dari mereka adalah yang berumur 30 tahun ke bawah (Mujibu Abd Muis, 2023). Jika diamati dengan teliti sejak Undi 18 tahun ini dilaksanakan, dimulai dengan Pilihan Raya Umum Negeri (PRN) Johor pada tahun 2022 yang lalu sehingga PRU ke 15 November yang lalu, Undi 18 menjadi taruhan dan penentu bagi parti-parti yang bertanding (Ostwald & Nadzri, 2023; Roshezry et al., 2023).

Apa yang penting di sini adalah bagaimana pengundi muda ini harus bijak dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pemilih pada PRN yang akan datang (Azmir Mohd Nizah & Mohamad Sharif, 2019). Ilmu tentang pemilihan idealisme politik, kesediaan dalam berpolitik dan juga sikap positif yang perlu sentiasa ada dalam kalangan anak muda sangat didambakan dalam PRN yang akan datang ini (Tajuddin et al., 2023a).

Berdasarkan jumlah pengundi berumur bawah 30 tahun yang sebanyak hampir tiga juta pada PRN ini, media sosial khususnya politik memes menjadi taruhan pemain politik bagi mendapat sokongan khususnya generasi Z (Azmir et al., 2023). Video politik yang berbentuk humor dan menyindir menjadi pilihan pengundi muda pada PRN 2023 ini (Zulkifli Manzor, 2023). Malah humor atau menyindir (*troll*) ataupun politik memes ini menjadi medium politik yang paling digemari oleh pengundi muda pada PRU 15 yang lalu (Azmir et al., 2023).

Selain itu, mutakhir ini acap kali isu 3R dimainkan oleh pemain politik dalam ceramah politik khususnya dalam kempen PRN 2023 ini. Adalah lebih malang apabila beberapa pemimpin tertinggi parti yang bertanding mengeluarkan kata-kata yang tidak manis sambil menyentuh unsur tradisi dalam perlombagaan khususnya 3R. Walaupun sudah beberapa kali diberikan amaran dan teguran agar setiap kempen PRN 2023 tidak sama sekali menyentuh isu 3R ini namun ianya seperti tidak diendahkan (Mohamad Syazwan Mustafa, 2023). Malah jika diamati dengan teliti pelbagai isu yang timbul berkaitan isu elemen tradisi ini dalam negara sejak 2018 lagi dan terus dimainkan sehingga ke hari ini (Afi

Roshezry Abu Bakar & Nizah, 2020; Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2019).

Di samping itu juga, politik memes menjadi rujukan utama anak-anak muda khususnya di platform media sosial. Politik memes bukan sahaja digunakan sebagai alat penyampai maklumat bergambar, video atau frasa malah ia juga dijadikan sebagai forum diskusi politik dalam kalangan anak-anak muda.

Istilah "meme" diperkenalkan dalam buku, "The Selfish Gene" oleh ahli biologi evolusi British - Richard Dawkins pada tahun 1976 dan beliau percaya bahawa meme boleh digunakan sebagai alat menyebarkan maklumat dan berkembang melalui mutasi dan pemilihan semulajadi seperti gen (Dawkins & Richard, 1989). Malahan, kebanyakan manusia amat suka berkongsi dan mengulangi perkara-perkara memes yang dilakukan secara sendiri malah akan meniru dan menghasilkan semula dengan mengulangi jenaka atau sebahagiannya (Benveniste, 2022).

Meme ini sangat di gemari oleh anak-anak muda kerana ia boleh dihantar dengan cepat dalam bentuk imej, video atau frasa melalui media sosial yang mudah difahami. Meme menjadi sebahagian daripada bahasa kerana ia meniru mesej yang menyampaikan maklumat tetapi dengan cara yang lebih mudah difahami dan mudah kerana kebanyakannya menyatakan melalui kandungan visual (Ur Rehman & Mahmood, 2021).

Humor dan satira adalah dua elemen utama yang membentuk meme. Dengan kemunculan media digital, penciptaan dan penyebaran kandungan humor telah menjadi lebih mudah, lebih murah, dan lebih cepat. Sesiapa sahaja boleh mengakses kandungan politik dan humor ini melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan terbaru TikTok. Oleh itu, penyediaan konten dan mengedarkan konten humor ini telah menjadi lebih mudah, malah lebih banyak bahan kreatif dan humor yang ada di platform sosial media menjadi taruhan anak-anak muda masa ini (Ur Rehman & Mahmood, 2021).

Ada juga dalam kalangan anak muda yang menggunakan teknik meme untuk menyuarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap pemimpin politik, berkenaan isu dasar dan lain-lain. Pemain meme politik di media sosial seperti DD Chronicles, Zunar dan juga Azman Naim adalah merupakan contoh bagaimana memes politik ini digunakan sebagai alat menyuarakan ketidakpuasan terhadap ahli dan juga parti politik. Dengan ratusan ribuan sehingga jutaan pengikut, pemain-pemain politik meme ini berjaya menarik minat bukan sahaja dalam kalangan anak muda malahan melibatkan segenap lapisan masyarakat yang berkongsi minat politik.

Ini juga adalah disebabkan peratusan generasi muda yang minat membaca mengetahui isu semasa juga adalah sangat rendah. Oleh yang demikian politik meme khususnya di media sosial adalah pilihan yang sangat menarik, mudah dan ringkas secara tidak langsung berjaya menarik perhatian ramai anak muda terutamanya kepada pengundi yang pertama kali mengundi untuk menggunakan (Munzir et al., 2022).

Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk mengetahui persepsi anak muda terhadap memes politik, Undi 18 serta isu-isu 3R kerana ia secara langsung mempunyai impak terhadap anak muda. Selain itu adalah sangat penting untuk mengetahui tahap persepsi anak muda dalam konteks kajian dalam mendepani politik kepartian dan juga politik pilihan raya di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif. Pendekatan kajian ialah tinjauan secara rentas yang memfokuskan kepada kumpulan umur 18 tahun sehingga 25 tahun sahaja. Teknik persampelan rawak digunakan bagi mendapatkan jumlah responden yang boleh dipercayai dan disahkan. Secara konvensyen, sejumlah 384 responden adalah sah dan boleh dipercayai bagi setiap 100,000 sampel populasi (Krejcie & Morgan, 1970).

Instrumen kajian pula adalah berdasarkan soalan yang telah dibina dan ditadbir secara kendiri. Set soalan dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu bahagian demografi (5 item), politik memes (21 item), Undi 18 (8 item) dan isu-isu semasa 3R (8 item). Bentuk soalan adalah skala *Likert* dengan pilihan 1 sebagai sangat tidak setuju dan 5 sebagai sangat setuju. Semua soalan telah ditentukan sahkan dengan nilai *Cronbach Alpha* 0.916. Oleh yang demikian, semua soalan adalah sesuai untuk kajian ini. Data kemudian dianalisis menerusi perisian SPSS versi 23.

Perbincangan

Jadual 1 memaparkan jumlah responden yang dibahagikan kepada jantina, kumpulan umur, etnik dan juga status pekerjaan. Jumlah keseluruhan responden ialah 400 orang bagi kajian ringkas ini setelah dapatkan yang tidak lengkap dikeluarkan daripada analisis.

Jadual 1. Demografi

	N=400	%
Lelaki	152	38.0%
Perempuan	248	62.0%
18-21	262	65.5%
22-25	138	34.5%
Melayu	283	70.8%
Cina	80	20.0%

India	18	4.5%
Etnik Sabah	9	2.3%
Etnik Sarawak	7	1.8%
Lain-Lain	3	0.8%
Pelajar	362	90.5%
Bekerja Sendiri	16	4.0%
Kakitangan Swasta	15	3.8%
Kakitangan Awam	7	1.8%

Rujukan: Mohd Azmir & Afi Roshezry, 2023.

Berdasarkan interpretasi min skor yang dicadangkan oleh Pallant (2011), ketiga-tiga aspek yang dikaji, dapat diperhatikan persepsi orang muda adalah bercampur-campur sebagaimana ringkasan di dalam Jadual 2. Dalam aspek politik memes, min skor bagi kesemua item yang dirangka, ia menunjukkan orang muda mempunyai persepsi yang sederhana positif. Ini membuktikan orang muda atau belia sering menggunakan media sosial dan memes antara medium yang popular dalam menzahirkan perasaan dan perkongsian mereka. Malah terdapat satu kajian yang mengatakan purata penggunaan media sosial oleh generasi Z adalah selama 11.6 jam sehari (Manap et al., 2016). Peranan yang dilakukan oleh internet khususnya dalam politik telah membawa kepada kemunculan konsep baru, seperti penyertaan dalam talian dan demokrasi siber (Gibson & Cantijoch, 2013; Grönlund & Wakabi, 2015; Vicente & Novo, 2014) serta demokrasi digital (Hyun, 2012). Media sosial merupakan medium yang mudah mempengaruhi persepsi dan sokongan politik pengundi kerana isu yang disampaikan melalui media tersebut sangat senang difahami, cepat dan dapat mempengaruhi perasaan pengundi yang melayari media tersebut (Awang Besar, 2023b).

Ia seolah menjadikan sesuatu yang serius sebagai humor, dan inilah antara faktor mengapa politik memes menjadi pilihan orang muda. Di Malaysia politik humor ini dapat dilihat dalam pelbagai isu bukan sahaja dalam politik malah isu-isu sosial yang lain. Boleh dikatakan ia merupakan salah satu cara rakyat Malaysia bergurau tentang perkara-perkara yang merencam khususnya dalam politik dan hubungan antara kaum. Oleh yang demikian rakyat menggunakan bahan jenaka sebagai cara untuk menegur, membidas malah berseloroh dengan pihak kerajaan berkenaan dengan polisi dan sebagainya (Jayne Lee, 2021). Walaubagaimanpun, dalam waktu yang sama, ia juga merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi oleh kerajaan khususnya Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital dalam pengukuhan Malaysia Madani pada masa hadapan.

Jadual 2. Persepsi pengundi muda

Aspek	Min	Interpretasi
Politik Memes	3.44	Sederhana
Undi 18	3.68	Tinggi
Isu 3R	2.99	Rendah

Manakala bagi aspek Undi 18, persepsi orang muda terhadap mengupaya hak belia adalah sesuatu yang diharapkan oleh belia, dan ia dapat dibuktikan melalui persepsi yang tinggi. Namun begitu, ia juga sebenarnya adalah cabaran yang besar dalam pengukuhan Malaysia Madani, sebagaimana banyak laporan menyatakan kesedaran golongan orang muda terhadap Undi 18 masih lagi rendah (Bernama, 2023). Malah menurut satu kajian yang dibuat ke atas pengundi muda di Batang Padang, Perak membuktikan pengundi muda di sini khususnya generasi Z masih tidak pasti sama ada mereka mampu memenuhi kewajipan sebagai pengundi dalam pilihan raya akan datang kerana majoriti daripada mereka masih belum bersedia sepenuhnya untuk turun mengundi (Tajuddin et al., 2023). Menurut satu lagi kajian yang dibuat berkenaan dengan Undi 18 menyatakan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda adalah rendah dan ini secara tidak langsung akan memberikan impak kepada amalan demokrasi negara (Mohd Nizah & Mohd Sharif, 2020).

Bagi isu 3R, persepsi orang muda adalah agak rendah. Ini adalah disebabkan kebanyakan responden tidak bersetuju dengan kebanyakan pernyataan yang diberi. Malah jika diteliti secara mendalam berkenaan isu 3R ini, kerajaan harus jelas dan tuntas mengenai apa yang dimaksudkan dengan isu 3R ini tanpa ada prejudis. Malah, baru-baru ini Menteri Undang-undang, Dato Seri Azalina Othman Said berkata akta baru itu yang mungkin dinamakan sebagai Akta Negara dan Bangsa berfungsi seperti Akta Keharmonian Kaum di Singapura, namun ia masih dalam konteks Malaysia (Bernama, 2023b). Dengan adanya akta yang lebih jelas maka sesiapa yang mengeksplorasi isu 3R khususnya dalam ceramah dan kempen politik bakal didakwa di mahkamah. Oleh yang demikian ini merupakan salah satu sebab mengapa persepsi responden berkenaan isu 3R ini agak rendah berdasarkan faktor-faktor yang disebutkan di atas. Namun dalam satu konteks yang lain, penggunaan akta sering kali mempunyai prejudis atas alasan ia selalu disasar kepada seterus politik sahaja. Ini secara tidak langsung menyebabkan, orang muda tidak gemar isu 3R menjadi modal dalam apa juar situasi, termasuklah politik. Penerangan yang jelas dan akta baru yang khusus kepada isu 3R ini boleh menangkis tanggapan kurang positif terhadap pihak kerajaan selama ini. Ini juga merupakan cabaran besar bagi pihak kerajaan dalam mendepani pengukuhan Malaysia Madani pada masa akan datang.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan persepsi pengundi muda terhadap persoalan dan masa hadapan Undi 18 adalah positif dan sangat baik, sejajar dengan hasrat Undi 18 itu sendiri. Manakala persepsi pengundi muda terhadap politik memes pula adalah sederhana positif. Antara faktor penyumbang ialah kewujudan memes yang melampau dan berpotensi menggugat ketenteraman awam. Bagi isu 3R pula, pengundi muda merekodkan persepsi negatif mereka oleh kerana 3R sering kali bersifat politikal dan ekstrem. Kesimpulannya, tiga cabaran besar dalam pengukuhan Malaysia Madani sangat perlu ditangani secara holistik sejarah dengan ikhtiar dan hasrat Malaysia Madani pada masa akan datang.

Penggunaan media sosial termasuklah politik memes perlulah diberikan perhatian khusus terutamanya dalam kalangan anak-anak muda. Jika tidak diurus secara efektif dari peringkat awal ia bakal membawa kemudaratannya secara tidak langsung khususnya dari segi perpaduan dan keharmonian antara rakyat. Pihak kerajaan juga harus cepat bertindak berkenaan isu 3R yang sering menjadi taruhan ahli dan parti politik khususnya dalam kempenkempen pilihan raya dan ceramah-ceramah yang diadakan. Tindakan tegas perlu diambil kepada sesiapa sahaja samada ia datang dari pihak pembangkang ataupun dari koalisi kerajaan sendiri tanpa prejudis.

Bagi isu Undi 18 pula, pihak kerajaan seharusnya memainkan peranan yang lebih besar dan segera dari segi informasi agar generasi kelak mampu menggalas tanggungjawab sebagai rakyat yang beramanah sejajar dengan hasrat awal pengenalan akta tersebut. Pendidikan awal berkenaan politik harus disediakan oleh pihak kerajaan bagi menyediakan rakyat yang peka dan cakna terhadap isu politik dan isu-isu semasa. Tanpa ada pendidikan formal berkenaan politik dikhuatiri rakyat akan mudah terpengaruh dengan propaganda politik yang negatif dan membawa kehancuran asas-asas demokrasi yang telah lama terbina sejak merdeka.

Rujukan

Afi Roshezry Abu Bakar, & Nizah, M. A. M. (2020). Cabaran Isothymia -Megalothymia dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia dan Pencabulan ke Atas Elemen-Elemen Anak Watan. *E-Proceedings of the International Conference on Aqidah, Religious and Social Sciences (SIGMA10)*.

Awang Besar, J. (2023a). General Election-15: There Is No Political Party That Won A Simple Majority Of 112 Parliamentary Seats To Form The Malaysian Federal Government. *International Journal of Law,*

Government and Communication, 8(31), 97–121.

<https://doi.org/10.35631/IJLGC.831008>

Awang Besar, J. (2023b). Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahannya. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 20(1).

<https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2001.14>

Azmir, M., Nizah, M., Roshezry, A., Bakar, A., & Kewartawan, J. (2023). Politik Memes Dalam Kalangan Pengundi Muda Pasca PRU 15. *ICoSSIIS Conference Proceeding*, 1–9.

Azmir Mohd Nizah, M., & Mohamad Sharif, S. (2019). *Undi 18: Belia dan Politik Konvensional Trust at Stake: The Impact of Social Media on Relationship View project Arab Peranakan di Malaysia View project*. <https://www.researchgate.net/publication/338036820>

Benveniste, A. (2022). *The Meaning and History of Meme*. The New York Times.
<https://www.nytimes.com/2022/01/26/crosswords/what-is-a-meme.html>

Bernama. (2023a). *Anak muda “boikot” pengundian PRN pada Sabtu ini?* Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/11/37360/anak-muda-boikot-pengundian-prn-pada-sabtu-ini>

Bernama. (2023b). *Perlu akta baru hukum pihak mainkan isu 3R, kata Azalina*. Malaysia Kini.
<https://www.malaysiakini.com/news/671758>

Dawkins, & Richard. (1989). *Selfish Gene*.

Gibson, R., & Cantijoch, M. (2013). Conceptualizing and measuring participation in the age of the internet: Is online political engagement really different to offline? *Journal of Politics*, 75(3), 701–716.

<https://doi.org/10.1017/S0022381613000431>

Grönlund, Å., & Wakabi, W. (2015). The Electronic Journal of Information Systems in Developing Countries Citizens' Use of New Media in Authoritarian Regimes: A Case Study of Uganda. In *EJISDC* (Vol. 67). www.ejisdc.org

Hyun, K. D. (2012). Americanization of web-based political communication? A comparative analysis of political blogospheres in the United States, the United Kingdom, and Germany. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 89(3), 397–413.

<https://doi.org/10.1177/1077699012447919>

Jayne Lee. (2021). *Confused Malaysians make sense of country's political crisis through memes - Culture*.

<https://sea.mashable.com/culture/17175/confused-malaysians-make-sense-of-countrys-political-crisis-through-memes>

Manap, J. H., Rezal Hamzah, M., Sofia Amin, A., & Nabila, N. (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. *International Conference on Social And Economic Development*. <https://www.researchgate.net/publication/309668766>

Mohamad Syazwan Mustafa. (2023). *PRN: Elak Sentuh Isu 3R demi Keharmonian Rakyat*. Malaysia Kini. <https://www.malaysiakini.com/news/669245>

Mohd Azmir Mohd Nizah, & Afi Roshezry Abu Bakar. (2019). Demokrasi pilihan raya dan cakna perlembagaan: tajuk yang sama, topik yang berbeza. *E-Prosiding Seminar Tamadun, Etnik Dan Turath Islami (i-STET) 2019, December*, 39–43.

Mohd Nizah, M. A., & Mohd Sharif, S. (2020). Undi 18: Belia dan Politik Konvensional. *Sains Insani*, 5(1), 180–186. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.181>

Mujib Abd Muis. (2023). *Undi pengundi muda pada PRN*. Sinar Harian . <https://premium.sinarharian.com.my/article/227778/medi-asi-kritis/cetusan/undi-pengundi-muda-pada-prn>

Munzir, M., Salikin, N., & Sulaksono, T. (2022). The Influence of Political Memes in Social Media on the Level of Political Participation of Beginner Voters in The Presidential Election Year 2019 in Karimun District. *Advances in Economic, Business and Management Research*, 209.

Ostwald, K., & Nadzri, M. M. N. (2023). Malaysia in 2022: Election Year, Islamization, and Politics of Compromise. *Asian Survey*, 63(2), 291–300. <https://doi.org/10.1525/as.2023.63.2.291>

Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual* (4th ed.). Allen & Unwin.

Pejabat Perdana Menteri. (2023). *Malaysia Madani*. Pejabat Perdana Menteri . <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>

Prof Datuk Dr Ismail Sualman. (2023). *Memahami konsep Malaysia Madani - Utusan Malaysia*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>

Roshezry, A., Bakar, A., Azmir, M., & Nizah, M. (2023). Meneroka Politik Orang Muda Cina di Malaysia.

E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-8 (PASAK 8 2023). conference.kuis.edu.my/pasak/

Tajuddin, S. N. A. A., Joni, J., & Bahari, K. A. (2023a). Political Communication: Uncovering Knowledge, Attitudes and Young Voters' Readiness for PRU-15 in Batang Padang District, Perak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 459–472. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-26>

Tajuddin, S. N. A. A., Joni, J., & Bahari, K. A. (2023b). Political Communication: Uncovering Knowledge, Attitudes and Young Voters' Readiness for PRU-15 in Batang Padang District, Perak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 459–472. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-26>

Ur Rehman, H., & Mahmood, Z. (2021). Internet Meme As Political Communication Tool: An Exploratory Study. *Journal of ISOSS*, 7(3) 107-118.

Vicente, M. R., & Novo, A. (2014). An empirical analysis of e-participation. The role of social networks and e-government over citizens' online engagement. *Government Information Quarterly*, 31(3), 379–387. <https://doi.org/10.1016/j.giq.2013.12.006>

Zulkifli Manzor. (2023). *PRN: Video 'troll' Tambat Hati 2.8 Juta Pengundi Muda*. Kosmo Online. <https://www.kosmo.com.my/2023/08/01/prn-video-troll-tambat-hati-2-8-juta-pengundi-muda/>